



Pertimbangan Moral Pelajar dalam Dilema Media Sosial: Penggunaan *Articulated Thought in Simulated Situation (ATSS)*

Muhammad Khairulrijal Mohamad Saad¹, Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid² & Noor Afiah Md Ariff³
^{1,2,3}Universiti Sains Malaysia

Article Info

Received:
6 November 2020

Accepted:
18 March 2020

Publish
06 April 2020

E-mail address:

*corresponding Author :
*muhammadkhairulrijal@gmail.com
r_adawiah@usm.my
kheirez@yahoo.com

e-ISSN 2682-759X

Abstract

Media sosial merupakan salah satu aplikasi internet yang ramai digunakan oleh pelajar pada masa kini. Kepentingan media sosial jelas sebagai penyalur dan alat perkongsian maklumat antara pelajar berkaitan pendidikan, hiburan dan sebagainya. Namun begitu interaksi pelajar terhadap media sosial menjadi satu kebimbangan kerana mampu memberi impak negatif disebabkan tahap kesedaran pelajar yang kurang terhadap netiquette. Perkara ini menjejaskan proses pertimbangan moral yang sewajarnya dalam kalangan pelajar. Salah satu elemen penting kepentingan kesedaran berkaitan etika dan peraturan berkaitan media sosial untuk mengetahui bagaimanakah proses pemikiran pelajar dalam membuat pertimbangan moral berlandaskan kesedaran berkaitan etika teknologi (netiquette) yang diketahui. Sehubungan itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji corak pemikiran pelajar dalam proses pertimbangan moral apabila berinteraksi dengan media sosial. Reka bentuk kajian ini adalah sepenuhnya kualitatif iaitu melalui temu bual berstruktur menggunakan prosedur *Articulated Thought in Simulated Situation (ATSS)*. Prosedur ini adalah satu cara dalam mengenal pasti proses pertimbangan dalam mengambil keputusan di dalam pemikiran pelajar terhadap dilema media sosial yang dilalui. Sampel kajian ini seramai empat orang yang mewakili dua orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan. Data telah dianalisis menggunakan perisian *Atlas.ti 8*. Hasil analisis mencerminkan beberapa kategori corak pemikiran pelajar di mana pelajar lelaki corak pemikiran pertimbangan sendiri dan pelajar perempuan mencerminkan corak pemikiran pertimbangan keadilan. Tuntasnya, corak pemikiran pelajar apabila berinteraksi dengan media sosial berbeza mengikut jantina begitu penting untuk perancangan lebih afektif oleh pihak berwajib.

Keyword: Pertimbangan Moral, ATSS, Media Sosial, Etika

Pengenalan

Netiquette merujuk kepada etika ataupun nilai yang diterapkan dalam diri seseorang apabila berkomunikasi dalam dunia siber (Rulli, 2014). Ini kerana pada zaman sekarang kehidupan masyarakat ditandai dengan kepesatan ICT (*Information and Communication Technology*) ataupun dikenali dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi kerana pengaruh internet dalam kehidupan pada masa kini tidak dapat dipisahkan sebagai salah satu media baharu yang memudahkan dalam pelbagai urusan seharian manusia (Amini, 2012; Arouri & Hamaidi, 2017). Perkara ini seiring dengan Mohd Azul et.al (2016) menyatakan bahawa pembangunan aplikasi dalam talian telah membawa satu perubahan besar terhadap kehidupan harian masyarakat dalam kepelbagaian aspek seperti penyebaran maklumat. Sebagai contoh pembangunan teknologi Web 2.0 menyediakan platform pengaturcara untuk pelbagai aplikasi media sosial dan memberi kelebihan kepada pengguna untuk berkomunikasi dengan pengguna lain di dalam alam maya (Mohd Azul & Nurul Madiha, 2017).

Pada masa yang sama, faktor kurangnya kesedaran dan kefahaman tentang masalah ancaman siber mampu memberikan kesan kerugian yang sangat besar terhadap seseorang (Muhammad Adnan, 2017). Menurut Mohd Azul et. al (2017) menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia perlulah mengintegrasikan kepentingan etika sewaktu dalam talian. Ramai pelajar menghabiskan masa selama sembilan hingga 14 jam sehari untuk melayari internet serta kurang mempunyai pengawalan diri dari pelbagai aspek sehingga menimbulkan rasa ketagihan dalam diri mereka (Che Su & Nan Zakiah, 2014). Oleh kerana masalah melayari internet semakin berleluasa, perubahan dalam kurikulum pendidikan tentang pengajaran netiquette haruslah dilaksanakan (Martina, 2014). Ini kerana kurangnya kefahaman dan pelaksanaan pelajar tentang netiquette dalam diri mereka semasa melayari internet tersebut (Arouri & Hamaidi, 2017).

Dalam hal ini, apabila pelajar berinteraksi dengan individu lain terdapat beberapa peraturan yang tidak akan dinyatakan ataupun membimbing mereka dalam berkelakuan dan berkomunikasi yang disebut sebagai netiquette (Brown, 2014). Pelajar perlu belajar apa yang perlu dan tidak patut dilakukan semasa berinteraksi dalam media sosial dan memerlukan netiquette tertentu untuk mengelakkan kenyataan diskriminatif, memfitnah, menghina dan menghantar sesuatu yang tidak sah beraskan sumber yang benar (Florence et.al, 2018). Signifikannya, kesedaran netiquette pada diri pelajar agar dapat memaparkan corak pemikiran cara mereka berinteraksi dengan media sosial yang sepatutnya dan pembentukan pelajar yang berpengetahuan, mempunyai amalan yang baik dan sikap yang terpuji.

Selain itu, pelaksanaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 juga dikuatkuasakan secara tegas untuk menghalang penyalahgunaan teknologi termasuk media sosial (Mohd Hamdan, 2015). Menurut undang-undang Malaysia, cetakan semula Akta 588 iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006 terdapat beberapa peruntukan utama berkaitan media sosial iaitu Seksyen 211: larangan terhadap pemberian kandungan jelik dan Seksyen 233: penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain, Seksyen 240: kesalahan mengagihkan atau mengiklankan apa-apa kelengkapan atau peranti komunikasi bagi pemintasan komunikasi dan Seksyen 241: Kesalahan kerana memberikan pernyataan palsu dan mengelirukan. Di samping itu kerajaan Malaysia juga memandang serius ancaman terhadap siber dan terdapat tiga undang-undang yang diperkenalkan pada tahun 1996 berkaitan siber iaitu Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Tandatangan Digital 1997 dan Akta Teleperubatan 1997 (Norhayati & Suriati, 2015). Akta-akta yang dikuatkuasakan di Malaysia ini mampu membendung aktiviti-aktiviti berkaitan dengan jenayah media (Mohd Dahlan & Ida Shafinaz, 2010).

Pendidikan Etika dan Moral

Etika dan moral dari segi etimologi membawa pengertian yang sama meskipun ejaan berbeza antara satu sama lain. Ini kerana etika dan moral membawa maksud tingkah laku yang diatur oleh pegangan nilai dan norma (Bertens, 2003) seseorang ataupun sesuatu kelompok. Perkara ini dibuktikan kerana tiada perbezaan terhadap terma moral dan etika (Mackenzie, 1971) kerana kedua-duanya merupakan satu panduan dalam membezakan perbuatan yang dilakukan baik atau buruk, betul atau salah. Di samping itu, etika juga merupakan sains moral dan prinsip-prinsip moral (Mustafa, 1996) dalam menjadi garis panduan kepada manusia. Aspek penting etika dan moral menjadi panduan penting kepada manusia untuk sentiasa mewujudkan keadaan yang diterima oleh masyarakat sejagat tidak mengira perbezaan agama dan bangsa. Proses pembentukan etika dan moral dalam kalangan manusia amat penting dalam meneruskan keseimbangan segala aspek kehidupan pada masa kini.

Dalam memastikan etika dan moral diberikan kepada manusia, sewajarnya aspek pendidikan etika dan moral tidak diketepikan. Hal ini demikian kerana, pembangunan pendidikan etika dan moral dalam kalangan pelajar merupakan elemen penting yang dikemukakan dalam falsafah pendidikan negara bagi memastikan setiap individu menjadi manusia yang seimbang dari kesemua aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Perkembangan elemen penting JERI tersebut mampu dibentuk ketika proses pendidikan dilalui oleh setiap pelajar di sekolah kerana segala proses yang dilalui telah merangkumi aspek penting kognitif, afektif dan psikomotor (Tam, 2006) seseorang pelajar. Justeru itu nilai moral dan etika haruslah diterapkan dalam memperkukuhkan pembentukan peribadi remaja seperti moral dan etika (Abd Rahim, 2001) dalam mempertahankan segala pertimbangan tindak tanduk yang betul dalam kehidupan mereka. Seharusnya nilai dan moral ni bukan sahaja dipupuk dari sekolah malahan juga disemai dari rumah dan masyarakat sekeliling (Abd Rahim, 2001) agar remaja mempunyai ilmu pertimbangan yang sewajarnya. Berdepan dengan isu sosial yang semakin membimbangkan memerlukan pelajar pada masa kini mempunyai keseimbangan kesemua elemen JERI untuk membentuk aspek etika dan moral dalam kehidupan seseorang.

Pendidikan etika dan moral merupakan elemen penting yang diperoleh dari pegangan agama seseorang. Meneliti pendidikan etika dan moral melalui perspektif etika agama dapat dijelaskan bahawa segala amalan yang dilakukan dalam kehidupan seharian yang perlu dipatuhi oleh setiap penganut merupakan aspek penting agar dapat dibentuk keharmonian dalam sebuah kehidupan. Hal ini demikian kerana, setiap individu yang berpegang pada agama akan mematuhi ajaran moral yang terkandung di dalam setiap agama (Bertens, 2003) masing-masing meskipun dalam setiap agama mempunyai perbezaan moral tetapi jurangnya tidak terlalu besar antara satu sama lain. Perkara ini juga menerangkan betapa pentingnya didikan moral dalam sesuatu agama kerana setiap didikan merupakan tuntutan kehendak Tuhan (Bertens, 2003) kerana pegangan agama yang kuat membentuk ajaran moral untuk mengawal dalam diri (Nova, 2017) seseorang di dalam masyarakat. Keyakinan yang kuat dalam agama membuktikan seseorang bersungguh-sungguh dalam mendalami ajaran agama untuk memperkukuhkan benteng moral (Kokom, 2011) dalam memastikan segala perlakuan, perkataan dan perasaan seseorang. Jelaslah bahawa betapa pentingnya pendidikan

Perkembangan teknologi yang semakin pesat membangun meletakkan kepentingan etika dan moral dalam diri seseorang remaja. Hal ini kerana ibu bapa bukan menjadi medium utama sebagai sumber rujukan (Che Su & Nan Zakiah, 2014; Vasan, 2010) kepada remaja kerana internet melalui medium media sosial telah mengambil alih tanggungjawab tersebut dalam era globalisasi ini. Penggunaan media sosial menyebabkan remaja mudah tertarik dan seronok kerana tiada perbezaan dan sekatan sempadan geografi (Sawyer, 2011) untuk berhubung malah kepantasan dihujung jari menjadi satu cabaran dan masalah (Norhayati & Suriati, 2015) kerana kurang didikan etika dan moral dalam diri remaja sehingga boleh melakukan jenayah ketika menggunakan media sosial. Kurangnya amalan etika dan moral telah menyebabkan corak

jenayah kini lebih tertumpu terhadap dimensi perkembangan media sosial (Yar, 2012) kerana sukar dikawal oleh banyak pihak. Perkara ini membuktikan remaja pada masa kini kurang menyemai aspek etika dan moral dalam diri mereka sehinggakan mereka mudah terdedah dengan kecelaruan persepsi apabila sebaran budaya melalui media sosial (Norhayati & Suriati, 2015) yang sukar dihalang. Jelaslah kepentingan etika dan moral diperlukan dalam diri remaja kerana golongan ini masih belum bersedia untuk menilai dan membuat pertimbangan sesuatu perbuatan yang bersifat negatif.

Apabila membincangkan masalah etika dan moral pada masa kini telah menjadi satu wabak yang sukar diubati. Isu ketagihan (Che Su & Nan Zakiah, 2014) dan jenayah (Norhayati & Suriati, 2015) menjadikan media sosial merupakan agen sosialisasi penting yang harus dikaji dari aspek pendidikan etika dan moral. Kurangnya amalan etika dan moral menjadi isu penting yang harus dibincangkan. Kurangnya sifat kesedaran dalam diri remaja menyebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan (Mohd Azul, Ali & Nurul, 2015; Happer & Philo, 2013; Azlina, 2010) yang baik dalam aspek etika dan moral apabila berinteraksi dengan media sosial. Lambakan media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Twitter (Samad, 2014) dan lain-lain mampu menyampaikan kepelbagaian maklumat kepada pengguna (Mohamad Hafifi. et.al, 2017) internet tetapi pengetahuan tentang etika dan moral harus ada untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya apabila berinteraksi dengan media sosial tersebut. Selain itu kesedaran amalan beretika dan bermoral juga menjadi masalah ketika remaja berinteraksi dengan media sosial. Sebagai contoh perjudian internet menggunakan media sosial menunjukkan kurangnya kesedaran amalan (Amini, 2012) dalam etika dan moral menggunakan media sosial sedangkan amalan tersebut memang bertentangan dengan ajaran agama. Di samping itu, kesedaran sikap juga semakin menipis apabila remaja tidak mempunyai etika dan moral yang sepatutnya apabila berinteraksi dengan media sosial. Hal ini kerana media merupakan alat terpenting dalam membentuk sikap (Hazlin, Wan Amizah & Maizatul, 2016) masyarakat tentang maklumat yang disampaikan. Jelaslah betapa pentingnya kesedaran etika dan moral dalam diri remaja apabila berinteraksi dengan media sosial agar dapat mengatasi masalah sosial.

Pertimbangan Moral Lawrence Kohlberg

Pendidikan Moral di Malaysia dan juga mata pelajaran lain sering menggunakan Teori Perkembangan Pertimbangan Moral Kohlberg sebagai rujukan (Zailani Yusuff, 2012). Dalam membincangkan isu keupayaan pelajar membuat pertimbangan moral yang menjadi topik kajian, Teori Perkembangan Pertimbangan Moral telah menjadi rujukan penting terhadap kajian ini. Terdapat juga kajian-kajian (Sarbaini, 2016; Davood, 2012; Scott et al., 2007) yang menggunakan Teori Perkembangan Pertimbangan Moral Kohlberg dalam membuat pertimbangan moral bagi menentukan peringkat-peringkat perkembangan moral berdasarkan tiga tahap perkembangan moral Kohlberg tersebut dan setiap tahap tersebut mempunyai dua peringkat .

Lawrence Kohlberg (1927-1987) mengemukakan teori berasaskan pemikiran Jean Piaget dan John Dewey yang mementingkan aspek falsafah dan psikologi positif terhadap pertumbuhan manusia. Penelitian ini telah meletakkan Teori Perkembangan Pertimbangan Moral Kohlberg sebagai rujukan kajian. Teori, program kajian, serta latihan di dalam aspek pendidikan yang menggunakan Teori Perkembangan Pertimbangan Moral Kohlberg telah menjadi salah satu topik panas di dalam perbincangan yang akan mengukuh serta akan memperkukuhkan lagi pemahaman terhadap sesuatu isu berkaitan dengan moraliti (Schrader, 1990). Kajian ini memberi tumpuan terhadap peringkat-peringkat pertimbangan moral menurut Teori Perkembangan Pertimbangan Moral Kohlberg yang menjadi konsep terpenting dalam teori tersebut. Peringkat-peringkat tersebut adalah peringkat satu orientasi hukuman dan kepatuhan, peringkat dua orientasi instrumental relativis, peringkat tiga orientasi persetujuan antara

individu, peringkat empat orientasi undang-undang dan peraturan, peringkat lima orientasi "Contract-Legalistic" sosial dan peringkat enam ialah orientasi prinsip etika sejagat.

Teori Perkembangan Pertimbangan Moral Kohlberg membantu kepelbagaian aspek pendidikan terutamanya di dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Meskipun Teori Perkembangan Pertimbangan Moral Kohlberg telah dikritik hebat oleh Gilligan (1982) kerana tidak mengenal pasti perbezaan pertimbangan moral antara jantina, kajian ini akan membuktikan adakah kajian yang telah dilakukan oleh Gilligan (1979) yang telah membuktikan membuat pertimbangan moral terhadap perempuan berorientasikan keprihatinan manakala lelaki akan membuat pertimbangan moral berorientasikan keadilan.

Sebagai satu pandangan dari pertimbangan moral Kohlberg di atas, Rest (1983) menyatakan bahawa pertimbangan moral berlaku kerana interaksi pertimbangan moral bersama kepekaan moral, ciri moral dan juga motivasi moral. Model empat komponen telah meletakkan kelakuan moral terzahir dalam diri seseorang sebagai satu tindakan (Ray, 2007; Rest et al., 1999 & Rest, 1983). Setiap individu akan melalui kesemua komponen tersebut untuk melakukan pertimbangan moral jika tidak akan berlaku kegagalan membuat pertimbangan tersebut (Jamaluddin, 2017). Model pertimbangan moral Rest menunjukkan berlaku interaksi antara dimensi moral iaitu dimensi akal dan perasaan yang terjalin serentak. Hal ini demikian kerana model Rest telah menghubungkan antara kognisi moral bersama afek moral dan sebaliknya (Ray, 2007).

Jadual 1: Skema Kohlberg 1987

Tahap	Peringkat
Prakonvensional	a) <i>Orientasi dendaan dan kepatuhan</i>
	b) <i>Orientasi instrumental relativis</i>
Konvensional	c) <i>Orientasi persetujuan antara individu</i>
	d) <i>Orientasi undang-undang dan peraturan</i>
Pascakonvensional	e) <i>Orientasi contract-legalistic sosial</i>
	f) <i>Orientasi prinsip etika sejagat</i>

Sumber: Mohd Zailani, (2012)

Berdasarkan konsep penting pertimbangan moral dapat dijelaskan bahawa pertimbangan moral dapat didefinisikan sebagai satu keupayaan berfikir secara rasional terhadap sesuatu perkara. Pertimbangan moral memerlukan peningkatan kematangan apabila seseorang berdepan dengan dilema dalam sesuatu situasi (Kohlberg, 1981) di mana kematangan dalam membuat pertimbangan moral telah dibahagikan kepada tiga tahap oleh Kohlberg dan ditetapkan setiap tahap mempunyai dua peringkat. Proses pertimbangan moral juga menentukan bentuk pemikiran seseorang dalam membuat tindakan yang bersesuaian dalam sistem nilai (Manavipour, 2012; Kohlberg, 1981) sejagat seseorang. Penghayatan nilai seseorang juga dapat menentukan bentuk pemikiran (Hailan & Rahimah, 2013) dalam membuat pertimbangan moral apabila berdepan dengan sesuatu situasi yang mempunyai dilema manakala kurangnya penghayatan nilai telah menyebabkan individu tidak mengetahui nilai-nilai dianggap penting terhadap persekitaran (Sathish Rao, 2015) mereka dan menyukarkan untuk membuat pertimbangan moral. Oleh itu penghayatan nilai yang baik dapat menentukan proses pertimbangan moral yang rasional dalam keupayaan berfikir.


Meneliti komponen moral iaitu, pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral dapat dijelaskan bahawa terhadap situasi pertimbangan moral hanyalah difahami berdasarkan aspek teori (Straughan, 1989) sahaja kerana tidak ada perbincangan dalam bentuk amalan. Individu yang tidak mempunyai didikan dari segi moral akan gagal dalam melaksanakan pertimbangan moral (Nova Yanti, 2017) dengan sebaiknya. Hal ini membuktikan bahawa remaja yang tidak mempunyai akhlak moral yang tinggi berisiko untuk terlibat dalam jenayah (Norhafizah, Zaihairul & Geshina, 2012) dalam kehidupan mereka. Perkara ini menjelaskan bahawa pertimbangan moral yang telah dilaksanakan bukan sahaja dipengaruhi oleh tindakan sahaja tetapi juga dipengaruhi komponen moral seperti emosi moral (Kay, 1975) dalam sesuatu keputusan pertimbangan moral. Perkembangan kematangan seseorang membuat pertimbangan merujuk kepada tahap kematangan dan perkembangan emosi (Rohana et.al. 2013; Steinberg, 2011) dalam penyesuaian apa-apa situasi dalam masyarakat. Kerasionalan pertimbangan moral dilaksanakan secara semula jadi yang dilaksanakan oleh emosi (Jamaluddin, Azizan & Wan Zailan, 2017) sebagai agen minda tidak sedar (Sunstein, 2005) dalam membuat pertimbangan. Perkara ini menjelaskan bahawa peranan emosi moral yang sangat penting dan merupakan pr-akal (Jamaluddin, Azizan & Wan Zailan, 2017) penting dalam sesuatu situasi. Jelaslah bahawa pertimbangan moral merupakan latihan kebiasaan yang telah dididik dari persekitaran dan komponen moral yang lain seperti emosi moral.

Pertimbangan moral berlaku apabila berlaku sesuatu situasi moral untuk menyelesaikan dilema yang telah dihadapi oleh seseorang. Situasi yang berlaku mungkin diperoleh daripada isu-isu yang didapati pada media sosial ataupun keratan di dada-dada akhbar seperti video-video, data-data, gambar-gambar, berita-berita terkini dan sebagainya tentang masyarakat sekeliling yang mengandungi segala persoalan moral yang harus diberi pertimbangan. Situasi moral seperti di dalam media sosial popular di Malaysia (Mohd Azul et.al, 2017) iaitu Facebook (Maslida & Karim, 2015; Che Su & Nan Zakiah, 2014; Mohammad Aziz et, al.2013), WhatsApp (Adnan Pitchan et.al, 2017; Nik Mohd, Farahwahida & Nurshuhadak, 2014) dan Instagram (Mohd Zuwairi & Normah, 2016) menjadi salah satu landasan meletakkan situasi moral yang harus diselesaikan melalui pertimbangan moral sewajarnya. Hal ini menunjukkan bahawa situasi moral di dalam media sosial memerlukan pertimbangan (Nor Azah & Che Zarrina, 2011) untuk membolehkan seseorang berfikir lantas memberikan justifikasi pemilihan pertimbangan yang sesuai dengan norma dan nilai moral masyarakat sejagat. Jelaslah bahawa setiap situasi moral yang berlaku pada diri seseorang haruslah dilakukan pertimbangan moral dalam menentukan sesuatu pemilihan tersebut baik ataupun buruk seperti pada tahap heteronomous Piaget.

Teori Kompetensi Pertimbangan Moral

Berdasarkan teori pertimbangan moral Kohlberg (1969) individu akan memberi respons yang berbeza berdasarkan dilema etika yang telah dialami mengikut tahap pertimbangan moral tersebut. Tambahan pula, menurut Blasi (1980) menyatakan, individu yang berada pada tahap pertimbangan moral tertinggi dapat menepis dorongan tidak beretika namun tidak selalunya ikhlas dan egoistik. Namun begitu, Kohlberg (1969) menjelaskan bahawa kompetensi moral merupakan satu keperluan dalam membuat keputusan serta pertimbangan moral untuk menunjukkan perlakuan yang dipilih selari dengan pertimbangan moral tersebut. Bahkan Kohlberg (1969) di dalam teori pertimbangan moral ada menyatakan bahawa aspek kognitif merupakan asas penting terhadap kompetensi pertimbangan moral dan berkait rapat dengan perlakuan bermoral individu. Tambahan pula menurut Green (1997) tahap-tahap pertimbangan moral dilalui oleh individu untuk membentuk perkembangan moral semasa proses pertimbangan moral berlaku. Malahan kajian-kajian yang dilakukan oleh Kohlberg (1969) berkaitan dengan perkembangan moral individu menunjukkan tahap kompetensi moral berkait rapat terhadap perlakuan beretika.

Kohlberg telah meletakkan konsep kompetensi pertimbangan moral kepada dua aspek iaitu aspek pertimbangan moral dan aspek kompetensi moral yang dijelaskan dalam rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Model Kompetensi Pertimbangan Moral Kohlberg (Desplaces et al, 2007)

Komponen kompetensi pertimbangan moral yang pertama ialah pertimbangan moral. Menurut Kohlberg (1969) menjelaskan bahawa pertimbangan moral merupakan satu korelasi yang berkait rapat antara tingkah laku manusia. Tambahan pula menurut Richardson (2003) yang menyatakan pertimbangan moral menunjukkan individu yang telah menjalani prinsip moral dalam kehidupannya. Bahkan menurut Thorne (2000) menjelaskan bahawa keupayaan pertimbangan moral mempunyai tahap sensitiviti yang tinggi berkaitan dengan etika. Di dalam kajian ini proses pertimbangan moral pelajar dijalankan untuk mengetahui corak pemikiran pelajar apabila berdepan dengan dilema media sosial. Di samping itu juga, penyelidik dapat meneroka faktor ketidakupayaan pelajar dalam membuat pertimbangan moral sewajarnya dalam kehidupan pelajar.

Manakala komponen kedua ialah kompetensi moral. Menurut Lind (2002) yang menjelaskan kompetensi moral adalah apabila kebolehan individu membuat pertimbangan moral ataupun keputusan yang beretika terhadap dilema yang dihadapi. Seiring dengan pendapat Catalano et al, (1999) yang menyatakan aspek kompetensi moral adalah apabila individu berkebolehan dalam mengaplikasikan pengetahuan dan juga kemahiran dalam diri untuk membuat keputusan yang bermoral terhadap penilaian apabila berdepan dengan sesuatu dilema. Tambahan pula Podolskiv (2005) menyatakan bahawa kompetensi moral merupakan kebolehan individu mengenal pasti ciri-ciri dalam dilema moral dan membuat analisis terhadap situasi tersebut untuk merancang apakah pilihan tingkah laku sebagai tindak balas tersebut. Oleh itu, komponen kompetensi moral menunjukkan individu mempunyai tingkah laku yang beretika tinggi apabila berdepan dengan situasi dilema dalam kehidupan mereka.

Metodologi Kajian

Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu penggunaan temu bual berstruktur terhadap pelajar lelaki dan perempuan yang berusia 16 tahun di sekolah menengah harian Pulau Pinang. Bilangan responden seramai 4 orang pelajar yang mewakili 2 pelajar lelaki dan 2 pelajar perempuan. Menurut Virzi (1992), 4 atau 5 responden sudah mencukupi bagi penilaian kajian yang dijalankan terhadap instrumen kualitatif. Para responden telah dipilih secara persampelan rawak.

Instrumen yang telah digunakan ialah *Articulated Thought in Simulated Situation* (ATSS) dan telah dibangunkan mengikut dilema media sosial. ATSS merupakan satu prosedur temu bual berstruktur untuk memerhatikan proses pertimbangan terhadap keputusan berkaitan dilema media sosial dalam kalangan pelajar. Terdapat dua situasi yang telah dibangunkan di dalam ATSS iaitu situasi melihat *status Facebook rakan* (SFR) dan menggunakan aplikasi *WhatsApp* (MAW). Setiap situasi mempunyai lapan segmen yang akan disoal dan dijawab oleh responden mengikut format keseluruhan ATSS dilema interaksi media sosial seperti jadual 2 di bawah :

Jadual 2: Format keseluruhan ATSS dilema interaksi media sosial

Perkara	Situasi 1	Situasi 2
Tajuk	Status <i>Facebook</i> Rakan (SFR)	Menggunakan aplikasi <i>WhatsApp</i> (MAW)
Asas Pembinaan	Situasi telah dikaitkan dengan isu penggunaan <i>Facebook</i> berkaitan dilema interaksi media sosial yang sering kali berlaku sejak kebelakangan ini.	Situasi telah dikaitkan dengan isu Keselamatan dan privasi dilema interaksi media sosial yang sering kali berlaku kepada pengguna.
Bilangan Segmen	Terdapat 8 segmen	Terdapat 8 segmen
Bentuk Soalan	Soalan berbentuk lisan	Soalan berbentuk lisan
Bentuk Jawapan	Respons lisan	Respons lisan
Ciri-ciri Segmen	Terdapat 8 segmen dilema interaksi media sosial berkaitan Status <i>Facebook</i> Rakan (SFR)	Terdapat 8 segmen dilema interaksi media sosial berkaitan Menggunakan aplikasi <i>Whatsapp</i> (MAW))
Format Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap situasi mempunyai 8 segmen yang harus dilalui oleh setiap responden. - Pelaksanaan dijalankan setiap segmen yang bermula dengan pernyataan dalam lingkungan masa 15-25 saat. - Responden akan memberi respons lisan dalam lingkungan masa tidak melebihi 30 saat. - Klu bunyi loceng menandakan setiap tempoh saat telah tamat. 	

Penetapan kesimpulan isu dan format dilakukan atas rujukan utama kajian Zainun dan Nooraida (2018) yang berlaku di Malaysia dan atas bacaan literatur beberapa kajian luar yang telah dijalankan oleh Adam et.al (2016), Kean et.al (2014), Davison, Navarre & Vogel (1995), Davison, Vogel & Coffman (1997) dan Davison, Feldman & Osborn (1984).

Ujian kesahan instrumen telah dijalankan terhadap kesahan muka dan kandungan. Nilai persetujuan kesahan muka dan kesahan kandungan instrumen ATSS dilema media sosial antara pakar dapat dicapai dengan menggunakan Indeks Kesahan Kandungan (*Content Validation Indeks*) CVI.

keputusan CVI yang diperoleh.

$$\text{Indeks Kesahan Kandungan (CVI)} = \frac{\text{Jumlah skor setiap pakar}}{\text{Jumlah skor sebenar}}$$

$$\text{Purata Indeks Kesahan Kandungan (CVI) setiap subdimensi} = \frac{\text{Jumlah CVI}}{\text{Bilangan pakar}}$$

Jadual 3: Keputusan indeks kesahan kandungan subkonstruk ATSS dilema media sosial

Konstruk	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	CVI/Pakar
Manipulasi Berita	0.98	1.00	0.83	0.94
Pengurusan Krisis	0.98	1.00	0.88	0.94
Laporan pihak berkuasa	0.95	1.00	0.75	0.90
Ketagihan	0.92	1.00	0.82	0.91
Keselamatan	0.95	1.00	0.58	0.84
Pemantauan	0.95	1.00	0.87	0.95
Berita palsu	1.00	1.00	0.90	0.97
Etika	0.98	1.00	0.85	0.94

Purata CVI bagi kesahan kandungan ATSS dilema media sosial telah menunjukkan nilai melebihi 0.80 ($CVI \geq 0.80$) dan ini menjelaskan setiap item yang telah dinilai mempunyai kesahan muka dan kesahan kandungan yang boleh diterima (Hashimah, Mohd Isa & Shahlan, 2018; Davis, 1992).

Langkah seterusnya untuk mendapatkan kebolehpercayaan terhadap item yang didapati di dalam borang persetujuan tersebut, pengkaji telah menggunakan pendekatan kaedah Cohen Kappa. Justeru itu, kebolehpercayaan interpretasi data temu bual dengan kaedah indeks kebolehpercayaan Cohen Kappa di dalam kajian ini akan menggunakan formula yang telah dicadangkan oleh Yin (1994) seperti dibawah:

$$K = (fa - fc) / (N - fc)$$

fa = kekerapan persetujuan penilai

fc = kekerapan kebarangkalian

N = jumlah item

K = nilai indeks kebolehpercayaan Cohen Kappa

Pakar 1	Pakar 2	Tahap Persetujuan
$K = (30 - 17) / (34 - 17)$ = 0.76	$K = (32 - 17) / (34 - 17)$ = 0.88	$K = (0.76 + 0.88) / 2$ = 0.82

Hasil daripada pengesahan dan penilaian oleh pakar yang dirujuk menunjukkan indeks kebolehpercayaan Cohen Kappa berdasarkan formula yang telah dinyatakan indeks Cohen Kappa ialah sebanyak 0.82. Indikator tahap persetujuan Cohen Kappa adalah berdasarkan seperti jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Indikator tahap persetujuan Cohen Kappa

Indikator	Nilai Cohen Kappa (K)
Sangat baik	≥ 0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	≤ 0.30

Sumber : Wiersma (1991)

Pencapaian nilai pekali kebolehpercayaan data kualitatif terhadap indikator persetujuan bagi kajian ini adalah tinggi. Justeru itu, data kualitatif di dalam kajian ini menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi mengikut penilaian Cohen Kappa yang telah dicapai di antara pakar-pakar dilantik.

Hasil Kajian Dan Perbincangan

Setelah temu bual berstruktur dijalankan, analisis telah dilakukan dengan menunjukkan terdapat enam corak pemikiran pelajar yang telah dikemukakan oleh responden yang dikaji. Antara corak pemikiran pertimbangan moral dilema media sosial yang telah dikemukakan oleh responden ialah pertimbangan sendiri, pertimbangan keprihatinan, pertimbangan keadilan dan corak pertimbangan gabungan seperti pertimbangan sendiri & keadilan, pertimbangan keprihatinan & keadilan dan pertimbangan sendiri & keprihatinan seperti pada rajah 2 di bawah :



Rajah 2: Corak pemikiran moral dilema media sosial

Setiap corak pemikiran yang telah terbentuk mempunyai penjelasan seperti jadual 5 di bawah. Setiap tema dan kategori telah dibina berdasarkan hasil analisis tematik berdasarkan temu bual yang telah dijalankan mengikut prosedur ATSS yang disarankan oleh Zainun dan Nooraida (2018).

Jadual 5: Penjelasan tema corak pemikiran pertimbangan moral dilema media sosial.

Bil	Tema	Kategori
1.	Pertimbangan Kendiri (PBK) Pertimbangan yang menunjukkan perasaan peribadi dan memberikan kesan kepada individu lain. Memberikan pertimbangan yang mendatangkan keuntungan dan kebaikan.	<ul style="list-style-type: none"> - Perbuatan yang keji - Tidak pandai menjaga diri sendiri - Tiada perikemanusiaan - Memberitahu waris - Bercakap kepada ibu - Diambil serius

<p>2. Pertimbangan Keprihatinan (PBP)</p> <p>Pertimbangan berkaitan dengan pertalian, hubungan, tanggungjawab dan perasaan sayang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak pandai menjaga anak-anak - Membantu seseorang dalam kesusahan - Memberitahu kawan - Dilayan sama rata - Menyuruh - Mengingatkan - Menegur - Menutup telefon - Memberi penerangan - Bersendirian membaca - Tidak boleh dipersalahkan
<p>3. Pertimbangan Keadilan (PBA)</p> <p>Pertimbangan yang berkaitan dengan etika, peraturan dan undang-undang. Menyentuh perihal betul salah dan kesaksamaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Membuat laporan - Memastikan sumber - Memastikan komen - Kebenaran kejadian - Mengambil langkah selamat - Melakukan soal selidik - Membantah - Tidak berkongsi maklumat - Dianggap salah - Kemungkinan tidak betul
<p>4. Berasaskan gabungan pertimbangan yang lebih daripada satu aspek.</p> <p>Kendiri & Keadilan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kebenaran dan tindakan - Memberi pengajaran dan undang-undang - Hak peribadi dan undang-undang
<p>5 Berasaskan gabungan pertimbangan yang lebih daripada satu aspek.</p> <p>Keprihatinan & Keadilan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Hubungan dan Tindakan - Bantuan dan tindakan
<p>6 Berasaskan gabungan pertimbangan yang lebih daripada satu aspek.</p> <p>Kendiri & Keprihatinan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Penyelesaian dan hubungan - Mengambil tindakan dan tanggungjawab
<p>7 Tiada respons/respons negatif</p>	<p>-</p>

I. Pertimbangan Kendiri

Corak pertimbangan sendiri menunjukkan responden menyatakan perasaan peribadi dan memberi kesan terhadap individu lain. Selain itu pertimbangan sendiri juga mendatangkan keuntungan dan kebaikan antara satu sama lain.

Responden L1: *Tindakan saya, saya akan menghubungi waris tersebut dan memberitahu waris tersebut cadangan-cadangan saya, bahawa bagi apa yang penculik itu nak, contohnya wang tebusan kemudian lakukan report polis dan apa dan polis pasti akan mempunyai satu strategi untuk menangkap penculik tersebut. dan waris tersebut tidak perlu takut walaupun untuk berjumpa penculik tersebut sebab polis tu akan, polis tu akan selalunya bersembunyi akan tolong*

Responden L2: *Pada pendapat saya, apabila semua orang share tentang kes ini, isu ini telah menjadi semakin besar dan apabila isu semakin besar, benda ini perlu ini diambil serius oleh semua pihak, disini juga masyarakat-masyarakat yang tidak kenal-tidak kenal mangsa culik ini akan share, jikalau terjumpa mangsa culik ini.*

Responden P1: *Saya fikir mungkin depa menyebarkan benda tu tanpa depa soal selidik benda tu. So benda tu jadi salah dan orang rasa benda tu tak sepatutnya dilakukan di kira penyalahgunaan. Oleh sebab tu, sepatutnya depa pastikan benda tu betul baru boleh share benda tu.*

Responden P2: *saya akan aaa wasap kawan saya dan try tanya dia dari mana dia dapat berita tu, dan betul ka benda tu baru terjadi, dan saya akan cuba tanya dekat kawan-kawan saya yang lain kot-kot dia tau pasal tu betul ka tak.*

II. **Pertimbangan keprihatinan**

Corak pemikiran pertimbangan keprihatinan menunjukkan responden membuat keputusan berkaitan pertalian, hubungan, tanggungjawab dan perasaan sayang antara satu sama lain terhadap soalan yang diberikan.

Responden L1: *Bagi saya kes penculikan ini aaa perbuatan yang yang keji dalam kalangan manusia kerana mereka selalunya manusia yang tidak berperikemanusiaan akan menjalankan perbuatan seperti ini, sebab perbuatan ini proses ini dia, dia akan lebih kurang menculik depa akan buang organ-organ dalam mangsa culik tersebut dan mereka akan jual. Dengan itu mereka akan mendapatkan wang yang banyak, selalunya masyarakat yang tiada bekerja yang tiada pekerjaan banyak melakukan hal ini.*

Responden L2: *Saya akan tutup telefon bimbit dan saya akan tidur kemungkinan esok saya akan bangun awal dan buka balik telefon bimbit dan buka semula berita tersebut sebelum saya pergi ke sekolah. Kerana ibu lebih penting pada berita yang akan saya baca tu dan esok pun boleh saya dapat lagi dapat lagi baca berita tu.*

Responden P1: *Saya fikirkan kes penculikan tu berlaku disebabkan oleh disebabkan oleh ibu bapa yang tidak pandai menjaga anak-anak mereka dengan baik. Dan anak-anak itu sendiri tidak pandai menjaga diri sendiri.*

III. **Pertimbangan Keadilan**

Corak pemikiran pertimbangan keadilan menunjukkan responden membuat keputusan berkaitan dengan etika, peraturan dan undang-undang. Bahkan menyentuh perihal betul atau salah dan juga aspek kesaksamaan antara satu sama lain.

Responden P1: *Saya akan bertanya kepada rakan saya adakah sumber sumber status itu sumber dia dapat status itu. Saya akan mencari maklumat tersebut di internet. Untuk memastikannya ia benar.*

Responden P1: *Perkara tersebut mungkin perlu disebarkan pada orang lain untuk aa dijadikan sebagai pengetahuan pada mereka. Tapi kadang-kadang jika benda tu tak benar dia tak sepatutnya di share sesuka hati sebab dia akan menjadi fitnah ataupun benda yang tak betul. So kita kena tau benda tu betul atau tidak baru kita boleh sebar.*

Responden P1: *Saya akan kalau status tu tak betul, saya akan report status tu pada pihak yang sepatutnya.*

Responden P2: *Saya fikir kenapa dia post pasal buli tu tengah-tengah malam dan adakah benda tu baru terjadi adakah benda tu benar atau tidak dan adakah ianya berkaitan dengan kes-kes yang berlaku di sekolah*

Responden L1: *berpendapat bahawa mereka menggunakan ni dengan tidak betul kerana selalunya kanak-kanak dengan remaja ni tidak tahu fungsi sebenar aplikasi ni di tubuhkan selalunya untuk memudahkan untuk menghubungkan dengan orang luar ataupun kawan-kawan yang jauh, untuk berkongsi apa-apa sahaja tapi mereka menggunakannya dengan tidak betul, contohnya-contohnya remaja zaman sekarang ini boleh share video lucu.*

IV. **Pertimbangan gabungan sendiri dan keadilan**

Corak pemikiran gabungan antara sendiri dan keadilan menunjukkan responden menyatakan keputusan berdasarkan dua aspek pertimbangan moral iaitu sendiri dan keadilan dalam satu-satu masa. Gabungan antara pernyataan peribadi yang mendatangkan keuntungan dan kebaikan namun berkaitan dengan etika, peraturan dan undang-undang terhadap betul atau salah antara satu sama lain.

Responden L2: *saya fikirkan bahawa berita yang saya baca tu, kemungkinan tidak betul walaupun saya seronok baca memang dia agak seronok membaca berita-berita yang disampaikan oleh kawan-kawan saya dan saya takut dan kadang-kadang saya takut berita itu palsu kerana wasap merupakan satu aplikasi kebanyakan mesej adalah palsu tidak sohih.*

Responden P1: *Saya rasa sepatutnya komen-komen itu tak sepatutnya diberikan secara sembarangan dia kena selidik dulu benda tu betul ka tak baru dia bagi komen tu. Kalau benda tu tak betul tapi dia tuduh mereka, so benda tu dia jadi fitnah tak elok. kadang-kadang kita kena juga tengok komen-komen itu untuk pastikan betul ka tak mungkin pihak lain yang lebih tau benda tu.*

Responden P2: *Saya fikir benda tu memang hak masing-masing tapi kalau benda tu salah dia tak boleh juga nak share benda tu sesuka hati sebab ada memang ternyata dalam undang-undang yang benda tu salah. Jikalau dia masih share juga benda tu mungkin akan diambil tindakan dan mungkin dan akan dikenakan tindakan yang sewajarnya.*

V. **Pertimbangan gabungan keprihatinan dan keadilan**

Corak pemikiran gabungan antara sendiri dan keadilan menunjukkan responden menyatakan keputusan berdasarkan dua aspek pertimbangan moral iaitu keprihatinan dan keadilan dalam satu-satu masa. Gabungan pernyataan menyentuh perihal pertalian, hubungan, tanggungjawab dan perasaan kasih sayang berkait dengan etika, peraturan dan undang-undang terhadap betul atau salah antara satu sama lain.

Responden L1: *Saya akan pergi ke rumah kawan rapat saya itu, dan saya akan beritahu warisnya, kadang-kadang ia mungkin berlaku apabila waris mereka sibuk bekerja, penat, tidak membuka telefon bimbit mereka, dan mereka tidak tahu sebarang mereka tentang anak mereka. Ini akan membuatkan waris tersebut tahu segala tentang*

hal anaknya, dan mungkin akan mengambil langkah-langkah yang selamat untuk menyelamatkan anak dia balik.

Responden P2: *Saya akan menyokong mereka kerana benda tu memang tidak betul jadi Saya akan menyokong depa kerana membantah pihak tersebut, dan saya juga akan menegur mereka tentang pembuatan yang mereka lakukan itu adalah salah. Dan mereka perlu mendelate mesej yang telah dihantar tersebut kerana ianya tidak betul.*

VI. Pertimbangan gabungan sendiri dan keprihatinan

Corak pemikiran gabungan antara sendiri dan keadilan menunjukkan responden menyatakan keputusan berdasarkan dua aspek pertimbangan moral iaitu sendiri dan keprihatinan dalam satu-satu masa. Gabungan pernyataan menyentuh perasaan peribadi dan mendatangkan kebaikan berkait dengan perihal pertalian, hubungan, tanggungjawab dan perasaan kasih sayang antara satu sama lain.

Responden L1: *Saya akan membuat update status status tentang keburukan aa melayari aplikasi ini dengan terlampau lama, apabila saya update saya, saya berpendapat cara ini mungkin lebih berkesan kerana mereka akan beronline berjam-jam apabila mereka friend dengan saya status baru saya yang update tu akan mereka tengok dan kemudiannya mungkin ada kawan-kawan saya yang ambil berat tentang ini akan juga akan share, dan orang lain akan dapat faedah yang sama.*

Responden L2: *Saya, bagi saya, saya akan baca mesej secara bersendirian kepada kedua-dua belah pihak dan saya akan bercakap dengan cara saya akan tegur secara bersendirian, sebab kalau saya tegur secara terbuka mungkin perkara ini kedua-dua pihak akan terambil hati sakit hati. Benda ini tidak boleh bergaduh, Cuma hal kecil yang tidak menyebabkan kita boleh menyebabkan kita, hubungan kita semakin renggang.*

Responden P2: *saya akan saya akan macam terangkan benda tu dekat depa betul-betul supaya tak ada berlaku perselisihan faham lagipun benda tu memang dah salah, so kalau depa still nak bergaduh sebab benda salah tu tak elok juga, so kita settle benda tu elok-elok dan biar depa depa fikir benda tu biarla tapi benda tu kena settle supaya depa tak gaduh.*

Perbincangan Dan Kesimpulan

Media sosial menjadi alat komunikasi yang penting dalam diri pelajar pada masa kini. Namun begitu terdapat pelbagai kesan negatif jika tidak diberikan kesedaran terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan diri pelajar. Kajian yang telah dijalankan oleh Duke Universiti, Amerika Syarikat, berkaitan dengan kesesuaian pilihan moral dalam interaksi atas talian dengan menjelaskan bahawa justifikasi rasional dapat meningkatkan pengaruh pendapat rakan sebaya terhadap pertimbangan moral. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan hujah-hujah rasional lebih berkesan untuk menimbulkan pematuhan daripada hujah-hujah emosi.

Hasil kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan bahawa pelajar dapat memberi justifikasi rasional dalam menimbulkan pematuhan dapat dilihat terhadap responden perempuan daripada lelaki. Hal ini menunjukkan pelajar perempuan berada pada tahap konvensional pertimbangan moral. Pada tahap konvensional pelajar mampu membuat pertimbangan berlandaskan pertimbangan antara individu dan pertimbangan berkaitan undang-undang dan peraturan. Manakala pelajar lelaki masih berada pada tahap pra konvensional, di mana pertimbangan moral hanyalah berdasarkan dendaan dan kepatuhan. Oleh itu, pelajar

perempuan menunjukkan kematangan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki ketika membuat pertimbangan moral dilema media sosial.

Namun begitu, corak pemikiran pertimbangan moral juga dapat dilihat dengan pola pemikiran lelaki hanya berorientasikan corak pemikiran pertimbangan sendiri dan corak pemikiran pertimbangan keprihatinan. Berbeza dengan pelajar perempuan di mana corak pemikiran mereka lebih ke arah pemikiran pertimbangan keadilan dan pertimbangan sendiri. Perkara ini mungkin disebabkan kepelbagaian faktor seperti emosi pelajar berbeza jantina menyebabkan perubahan dalam membuat pertimbangan moral dilema media sosial. Dapatan kajian Su (2000), menunjukkan seramai 38 pelajar perempuan dan 32 pelajar lelaki mempunyai perbezaan emosi antara jantina tersebut. Namun, didikan keluarga, guru dan pengaruh rakan sebaya juga memberi kesan dalam membentuk corak pemikiran seseorang dalam membuat pertimbangan moral. Hal ini kerana penghayatan nilai-nilai moral pelajar bergantung kepada agen-agen sosialisasi penting ini dalam membentuk perubahan tingkah laku pelajar untuk membuat pertimbangan moral.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini dapat menunjukkan corak pemikiran pelajar mengikut jantina mempunyai pola-pola yang berbeza antara satu sama lain. Ini berkemungkinan kerana kepelbagaian faktor yang membentuk pemikiran pelajar dalam membuat pertimbangan moral. Di samping itu, ciri-ciri yang terdapat di dalam media sosial juga menjadi faktor penting menyebabkan dilema media sosial ini mempengaruhi di mana tahap pertimbangan moral pelajar mengikut Teori Perkembangan Pertimbangan Moral.

Rujukan

Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Adam, D.L., Casey, T.T., Robin, P.W., Jilian, P.S., & Cristopher, I.E. (2016). Posttraumatic Stress Disorder Symptoms, Traumatic Reminders, and Partner Aggressive Tendencies Among Veterans. *J Fam*, 31, 461-466. DOI 10.1007/s10896-015-9776-9

Amini Amir, A. (2012). Etika digital dan berinternet menurut perspektif Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam* 25, 55-82.

Azlina Abdullah. (2010). Tema dan isu penyelidikan mengenai gejala sosial pada dekad abad 21 di Malaysia. *Akademika*, 78, 3-14.

Bertens, K. (2003). *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Blasi, A. (1980). Bridging moral cognition and moral action: A critical review of the literature. *Psychological Bulletin*, 88, 1-45.

Brown, S.A. (2014). Conceptualizing digital literacies and digital ethics for sustainability education. *International Journal of sustainability in Higher Education*, 15(3), 280-290.

- Catalano, R.F., Berglund, M., J.A.M., Lonzak, H.S., & Hawkins. (1999). *Positive youth development in United States: research findings on evaluations of positive youth development programs*, (U.S. Department of Health and Human Services). Washington, D.C.
- Che Su & Nan Zakiah. (2014). Persepsi dan Penggunaan Media Sosial dari Perspektif Ibu Bapa: Satu Analisis Kualitatif. *Malaysian Journal of Communication*, 30,43-74.
- Davis, L.L.(1992). Instrument review: Getting the most from your panel of experts. *Applied Nursing Research*, 5:194-197.
- Davison, D.G., Navarre, S.G., & Vogel, R.S. (1995). The Articulated Thoughts in Simulated Situations Paradigm: A Think-Aloud Approach to Cognitive Assessment. *Current Direction In Psychological Science*, 4(1), 29-33.
- Davison, D.G., Feldman, P.M., & Osborn, C.E. (1984). Articulated Thought, Irrational Beliefs, and Fear of Negative Evaluation. *Cognitive Therapy and Research*, 8(4), 349-362.
- Davison, G.C., Vogel, R.S., & Coffman, S.G. (1997). Think-Aloud Approaches to Cognitive Assessment and the Articulated Thought in Simulated Situations Paradigm. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 65, 950-958.
- Davood Manavipour. (2012). Moral Development Scale in Iranian Culture. *Journal of Psychology in Africa*. Dicapai pada 20 Januari 2018 daripada www.tandfonline.com/loi/rpia20.
- Desplaces, D.E., Melchar, D.E., Beauvais, L.L., & Bosco, S.M. (2007). The impact of business education on moral judgment competence: An empirical study. *Journal of Business Ethics*.74,73-87.
- Florence Martin, Chuang Wang, Teresa Petty, Weichao Wang & Patti Wilkins. (2018). Middle school student's social media use. *Educational Technology & Society*, 21(1), 213-224.
- Gilligan, C. (1979). Women's place in man's life circle. *Harvard Educational Review*, 49,431-446.
- Gilligan, C. (1982). *In a different voice. Psychological theory and women's development*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- Green, S. (1997). Influencing ethical development exposing student to the AICPA Code of Conduct. *Journal of Bussiness Ethics*, 16(8), 777-790.

Hailan Salamun & Rahimah HJ. Ahmad. (2013). Pertimbangan Moral Sebagai Asas Pembinaan Model Kepemimpinan Rabbani. *Journal of Bussiness and Social Development*, 1(2), 43-58.

Hashimah, M.Y., Mohd Isa, H., & Shahlan, S.(2018). Kesahan dan kebolehpercayaan indeks pemupukan kreativiti dalam pengajaran guru dengan elemen Islam (I-CFTI) berdasarkan pendekatan model Rasch.*Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(3), 77-88.

Jamaluddin Mohd Ali, Azizan Haji Baharuddin & Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. (2017). Kritikan Terhadap Teori Moral Barat: Analisis Ke Atas Faktor-Faktor Mempengaruhi Yang Pertimbangan Moral. *Jurnal Peradaban*, 10,84-118.

Kean J.H.,Kalina, N.B., Michelle, C.F., Justin, F.M.,& Gerald, C.D.(2014). Experimentally induced distraction impacts cognitive but not emotional processes in think-aloud cognitive assessment. *Frontiers in Psychology*, 5, 1-9.

Kohlberg, L. (1969). Stage and sequence: The cognitive development approach to socialization. Dlm. D.A. Goslin (Ed.), *Handbook of Socialization Theory and Research*. Chicago: Rand McNally.

Kohlberg, L. (1981). *Essays on Moral Devepment. Volume 1: The Philosophy of Moral Development*. San Francisco CA: Harper & Row.

Hazlin Falina, R., Wan Amizah, W.M., & Maizatul, H. (2016) Peranan media sebagai alat kesedaran sosial dalam kalangan orang kurang upaya di Malaysia. *Malaysian Journal of Comunication*, 32(2), 471-488.

Happer, C., & Philo, G. (2013). The role of the media in the construction of public belief and social Chang. *Journal of Social and Political Psychology*, 1(1), 321-336.

Kay. (1975). *Moral education a sociological study of the influence of society, home and school*. London: George Allen & Unwin Ltd.

Kokom, S.K. (2011). Model Pendidikan Nilai Moral Bagi Para Remaja Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*. 9(1),45-54.

Lind, G. (2002). The meaning and measurement of moral judgment competence: A dual aspect model.

Martina Drazenovic. (May, 2014). Elementary school students using Facebook: A case study of crotian elementary school ban Josip Jelacic. *37th International Convention on*

- Maslida Yusof & Karim Harun. (2015). Analisis lakuan tutur dalam ruangan status facebook. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2),151-168
- Mohamad Hafifi, J., Nurzali, I.,& Darshan, S. (2017). Kempen Kesedaran Kesihatan Awam: Satu tinjauan literatur dari sudut penggunaan media dan komunikasi di Malaysia. *Malaysian Journal Of Communication*, 33(3), 1-20.
- Mohammad Aziz Shah, M.A., Irna, A.L., Wan Rosni, W.M., Siti Noratikah, A.R.,& Juwita Sayang, A.R. (2013). Strategi Menangani Ketagihan Penggunaan Facebook dalam Kalangan pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian kes. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16,93-103.
- Mohd Azul, M.S., Mohd Yusof, H.A., Ali Salman & Ahmad Sauffiyan, A.B. (2017). Kesedaran dan pengetahuan terhadap keselamatan dan privasi melalui media sosial dalam kalangan belia. *Journal of Social Sciences and Humanities*,12(3), 1-15.
- Mohd Azul, M.S., Ali Salman, Mohd Nor, S.A., & Hasrul Hashim (2016). The importance of usability features in enchancing online communication satisfaction. *Malaysian Journal of communication*, 32(2), 1-15.
- Mohd Azul, M.S., Ali Salman & Nurul Madiha, M.I. (2015). Awareness towards the issue of surveillance in using Social Media applications. *Journal of social sciences and humanities*. 10(2), 217-229.
- Mohd Hamdan, H.A. (2015). Peranan media massa memartabatkan intergriti nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2, 57-74.
- Mohd Zailani. (2012). Faktor-Faktor Penyumbang dalam Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Agama. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*,9,81-109.
- Mohd Zuwairi, M.S., & Normah Mustaffa. (2016). Kandungan mesej twitter oleh ketua parti politik semasa pemilihan raya negeri Sarawak 2016. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 406-426.
- Muhammad Adnan, P., Siti Zobidah, O., Jusang Bolong & Akmar Hayati, A.G. (2017). Analisis keselamatan siber dari perspektif persekitaran sosial: Kajian terhadap pengguna internet di Lembah Klang. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(2), 16-29.

- Mustafa, H.D. (1996). *Etika Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn.Bhd.
- Nik Mohd Firdaus, N.Z.A., Farahwahida, M.Y., & Nurshuhadak, H. (2014). Aplikasi Iphone : ANtara teknologi maklumat dan komunikasi, media sosial dan sebaran dakwah. *Sains Humanika*, 2(1), 41-53.
- Nor Azah & Che Zarrina. (2011). Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan Undang-Undang dan Amalan. *Spiritual Journal of Il=slamic and Arabic Education*, 3(1), 29-46.
- Norhayati & Suriati. (2015). Tindak Balas Pengguna Youtube Terhadap Kes Buli dalam Kalangan Remaja di Malaysia. *Sains Humanika*, 6(1), 9-17.
- Nor Hafizah NH, Zaihairul & Geshina Ayu. (2012,). Moral Compentencies Among Malaysian Youth Helath and The Environment Journal, 3(3),1-10. Dicapai pada 16 Mac 2018 daripada <http://www.hej.kk.usm.my/pdf/HEJVol.3No.3/Article01.pdf>
- Nova Yanti. (2017). Pendidikan Agama dan Moral dalam Perspektif Global. *Al-Islah Jurnal Pendidikan*. 8(1), 89-104.
- Podolskiv, O. (2005). Investigating new ways to study adolescent moral competence, Europe's Journal of Psychology, 1,4. diambil dari <https://ejop.psychopen.eu/index.php/ejop/article/view/380/html>
- Ray, C.M. (2007). Development of an intergrated model and measure of the moral dimension of justice and care. Tesis Phd yang tidak diterbitkan. Oklahoma State University, Stillwater.
- Rest, J.R., Narvaez, D., Babeau, M.J. and Thoma, S.J. (1999). *Postconventional Moral Thinking: A Neo-Kohlbergian Approach*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Rest, J.R. (1986). *Moral Development: advances in research and theory*. New York:Praeger.
- Richardson, H.(2003). Moral reasoning, In E. N. Zalta (ed.). *The Stanford Encylopedia of Philosophy*(Winter edition),<https://plato.stanford.edu/archives/win2014/entries/reasoning-moral/>.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abiddin, Azimi Hamzah & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2013). Pengaruh Faktor Psikologikal ke Atas Penghatayan Islam dalam Kalangan Belia Institut Pengajian Tinggi Awam Terpilih di Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16,55-64.

Rulli Nasrullah, M.Si. (2014). *Teori dan Riset Media Siber (cybermedia)*. Indonesia: Prenamedia Group.

Samad, N.R.A. (2014). Peranan media dalam melestarikan kasih sayang. diambil dari <http://eseminar.dbp.gov.my/wacanakeputeraansultan/kasihsayang.pdf> (3 Ogos 2018).

Sarbaini. (2016). Pertimbangan Moral Menurut Gender Peserta Kajian Dalam Pembelajaran PKN di SMA Korpi Banjarmasin. *Jurnal Pendidikan Kewarganegaraan*, 6(11), 916-929.

Sathish Rao Appalanaidu. (2015). Pertimbangan Moral dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Disiplin; Penggunaan 'Sociomoral Reflection Measure-Short Form Objective' (SRM-SFO). *Journal of Research, Policy & Practice of Theachers & Teacher Education*, 5(2),50-64.

Sawyer, Rebecca. (2011). The Impact of New Social Media on Intercultural Adaption. Senior Honors Projects, Paper 242, University of Rhode Island. <http://digitalcommons.uri.edu/srhonorsprog/242>.

Schrader, D. (ed). (1990). *The Legacy of Lawrence Kohlberg, New Directions for Child Development*. 47. Spring. San Francisco: Jossey-Bass Inc. Publishers.

Scott J. Reynolds & Tara L. Ceranic. (2007). The Effects of Moral Judgment and Moral Identity on Moral Behavior: An Empirical Examination of the Moral Individual. *Journal of Applied Psychology*, 92(6),1610-1624.

Steinberg, L. (2011). *Adolescence*. (9th ed.). New York: McGraw Hill.

Straughan, R. (1989). *Beliefs, behaviour and education*. London: Cassell Educational Limited.

Su Mee Nguk.(2000). Hubungan antara emotional intelligence/Quotient (EQ) dengan pencapaian akademik, jantina dan aliran pengajian murid tingkatan 4. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Sunstein, C.R. (2005). Moral heuristics. *Behavioral and Brain Sciences*, 28(4), 531-573

Tam Yeow Kwai. (2006). Pendidikan Moral: Konsep dan Pedagogi Pendidikan Moral untuk Pelajar-pelajar KPLI, LPBS dan PISMP Maktab-maktab Perguruan. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Thorne, L. (2000). The development of two measures to asses accountants's perscriptive and deliberative moral reasoning. *Behavioral Research in Accounting*, 12(1), 139-169.

Vasan, A. (2010). Films and Tv: Viewing patterns and influence on behaviours of collage students. *Health and Population Innovation Fellowship Programme Working Paper*, 13. New Delhi: Population Council.

Yar, M. (2012). E-Crime 2.0: the criminological landscape of new social media. *Information & Communications Technology Law*, 21(3), 207-219.

Y.M. Aroui & D.A. Hamaidi. (2017). Undergraduate student's perspectives of the extent of parcatcing netiquettes in a Jordanian Southern University. *International Journal Of Emerging Technologies in Learning*, 12(3), 84-97.

Yin, R.K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods.* 2nd ed. Thousand Oak, Calif:Sage.

Virzi\
zainun